



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)**

Bilangan 1 Tahun 2014

**PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELARAS
UNIT PERANCANGAN STRATEGIK KAMPUS DAN FAKULTI**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peranan dan tanggungjawab Penyelaras Unit Perancangan Strategik (UPS) di Kampus Negeri dan Fakulti.

LATAR BELAKANG

2. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah melantik Penyelaras UPS di setiap Kampus Negeri dan Fakulti. Sesi mesyuarat dan perbincangan dengan penyelaras/wakil UPS Kampus Negeri dan Fakulti pada 11 Mac 2013 telah bersetuju bahawa Penyelaras UPS diletakkan di bawah Rektor bagi Kampus Negeri manakala di bawah Dekan bagi Fakulti. Sekretariat bagi membantu urusan UPS ini adalah Bahagian Pentadbiran Kampus Negeri dan Fakulti. Ia bertujuan bagi menyelaraskan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Perancangan Strategik Kampus Negeri dan Fakulti serta pemantauan inisiatif-inisiatif melalui sistem UePMO di samping pelaksanaan pendokumentasian maklumat yang lebih kemas dan teratur.

3. Tugas dan tanggungjawab Penyelaras UPS adalah seperti berikut:
 - i) Menyelaras penyediaan perancangan strategik Kampus Negeri/Fakulti
 - ii) Menyelaras pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik Kampus Negeri/Fakulti
 - iii) Menyelaras pemantauan inisiatif melalui Sistem UePMO (RMKe-10 & MoU/MoA)
 - iv) Menyelaras pengurusan maklumat strategik Kampus Negeri/Fakulti untuk disalurkan ke Pusat Perancangan Strategik (PPS)
 - v) Menyelaras aktiviti semakan keselarasan perancangan strategik
 - vi) Menjadi perantara bagi hubungan kerja PPS dan UPS Kampus Negeri/Fakulti
 - vii) Menghadiri mesyuarat bersama PPS secara berkala

4. Maklumat-maklumat strategik Universiti akan disalurkan kepada Penyelaras UPS Kampus Negeri dan Fakulti dengan harapan Penyelaras UPS akan menyampaikan maklumat tersebut kepada Pengurusan Tertinggi Kampus Negeri dan Fakulti.

5. Kehadiran Penyelaras UPS semasa Mesyuarat UPS bersama Pusat Perancangan Strategik yang dijadualkan tiga kali setahun adalah wajib dan tidak boleh diwakilkan kerana perkara seperti yang dinyatakan di atas.

TAFSIRAN

5. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - i. Penyelaras UPS adalah pegawai yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang mengkoordinasi urusan berkaitan perancangan strategik di peringkat Kampus Negeri dan Fakulti

 - ii. UePMO merujuk kepada sistem UiTM *Electronic Programme Management Office* yang boleh diakses melalui laman web <http://www.uepmo.uitm.edu.my>

 - iii. Inisiatif bermaksud semua perancangan aktiviti berimpak tinggi selain Projek Khas Naib Canselor yang dilaksanakan oleh Kampus Negeri dan Fakulti yang dipantau melalui Sistem UePMO

 - iv. RMKe-10 adalah Rancangan Malaysia Kesepuluh peringkat UiTM yang merangkumi garis panduan hala tuju strategik universiti untuk tempoh lima tahun dari tahun 2011 hingga 2015

- v. MOU adalah dokumen undang-undang yang menerangkan persefahaman dua hala antara Universiti Teknologi MARA dengan pihak lain. Ianya menyatakan penumpuan kehendak di antara pihak-pihak yang terbabit yang menunjukkan niat untuk mencapai matlamat yang sama. Ia adalah alternatif yang lebih formal dari satu persefahaman secara lisan, tetapi secara umumnya tidak mempunyai kuasa mengikat secara kontrak.
- vi. MOA adalah satu dokumen bertulis antara Universiti Teknologi MARA dengan pihak lain untuk bekerjasama atas sesuatu projek atau untuk mencapai satu objektif yang telah dipersetujui. Tujuan satu MOA adalah supaya terdapat satu dokumen bertulis berkenaan apa yang telah dipersetujui tersebut. MOA juga merupakan satu dokumen undang-undang yang mengikat pihak-pihak terhadap komitmen mereka atau sebagai satu dokumen perjanjian perkongsian sahaja.

TUJUAN PELAKSANAAN

6. Pekeliling ini diedar untuk menjelaskan kefahaman warga Kampus Negeri dan Fakulti terhadap tugas dan tanggungjawab Penyelaras UPS.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 15 Januari 2014.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 115 Januari 2014.



PROF. IR. DR. HJ. ABDUL RAHMAN OMAR
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail :100-PPS (PT.6/7/2)
No Siri :100-PPS (PPS/02/2013)*